



22 JUN, 2024

KPKM rancang Orang Asli penggerak tanaman durian berskala besar

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

KPKM rancang Orang Asli penggerak tanaman durian berskala besar

Gerik: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam perancangan menjadikan masyarakat Orang Asli sebagai antara penggerak utama penanaman durian berskala besar di negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata ia berikutan terdapat banyak lokasi berdekatan kediaman mereka yang berpotensi dibangunkan sebagai kawasan penanaman durian berkualiti serta mampu menembusi

pasaran luar negara, khususnya di China.

"Perkara ini akan dibincangkan pada peringkat kementerian dan jabatan (pertanian) bersama Orang Asli terbabit supaya pelbagai masalah termasuk serangan haiwan liar seperti gajah dapat diperincikan dengan lebih lanjut," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Program Walkabout di Dewan Terbuka Kampung Sungai Raba, Pengkalan

Hulu di sini semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pembangunan Industri dan Pengembangan), Johari Abdullah dan Pengarah Pertanian Perak, Norsyenti Othman.

Kelmarin, Mohamad dilaporkan berkata semua pengusaha durian tempatan khususnya Bumiputera perlu memulakan penanaman buah berkenaan dalam skala besar bagi membolehkan ia dipasarkan ke China antara lima

hingga enam tahun lagi.

Mohamad memaklumkan, usaha itu perlu dimulakan dari sekarang susulan pemeteraian Protokol Keperluan Fitosanitari Pengeksportan Buah Durian Segar dari Malaysia ke China pada 19 Jun.

Sementara itu, Mohamad berkata KPKM akan bekerjasama dengan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) bagi memastikan peruntukan dapat disalurkan kepada masyarakat Orang Asli yang berminat me-

ngusahakan tanaman itu.

"Kita tak bergerak sendiri dan dari sudut tenaga serta bajet (peruntukan) itu akan kita gabungkan bersama KKDW bagi memastikan penanaman ini dapat dibangunkan," katanya.

Beliau berkata, selain durian pihaknya turut menggalakkan masyarakat Orang Asli memabatkan diri secara aktif dalam bidang pertanian berorientasikan tanaman kontan untuk menajana pendapatan. BERNAMA



Mohamad (dua dari kanan) beramah mesra bersama masyarakat Orang Asli ketika hadir Program Walkabout di Dewan Terbuka Kampung Sungai Raba, Pengkalan Hulu di Gerik, semalam. (Foto BERNAMA)



22 JUN, 2024

KPKM rancang Orang Asli penggerak tanaman durian berskala besar

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Gerik: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam perancangan menjadikan masyarakat Orang Asli sebagai antara penggerak utama penanaman durian berskala besar di negara ini. Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata ia berikutan terdapat banyak lokasi berdekatan kediaman mereka yang berpotensi dibangunkan sebagai kawasan penanaman durian berkualiti serta mampu menembusi

pasaran luar negara, khususnya di China.